

Headline	Galak bina perumahan berstrata
MediaTitle	Harian Metro (Timur)
Date	22 Jan 2018
Section	News
Page No	71
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Kuala Terengganu

Galak bina perumahan berstrata

Kerajaan negeri menggalakkan pemaju perumahan membina kediaman berstrata terutama membabitkan kawasan bandar bagi menangani isu kekurangan tanah untuk pembangunan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan Negeri dan Kesejahteraan Bandar negeri Datuk Mohd Jidin Shafee berkata, kerajaan negeri melalui Dasar Perumahan Negeri menetapkan kediaman yang mempunyai lebih 200 unit saja tertakluk kepada penetapan kuota Melayu iaitu 50 peratus.

“Pembangunan kurang daripada 200 unit tidak di-

kenakan penetapan kuota Melayu, dan dasar ini terpakai bagi pembangunan perumahan swasta di atas tanah berkeluasan kurang tiga hektar.

“Langkah ini diambil berikutan kami melihat gaya pembangunan di negeri pantai barat yang mengalami masalah kekurangan tanah untuk pembangunan,” katanya pada majlis perasmian Seminar Pembangunan STRATA, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) Terengganu Mohamad Hisyamudin Muda.



MOHD Jidin (kiri) bersama peserta seminar pada majlis Perasmian Seminar Pembangunan STRATA di Sumai Hotel, Kuala Terengganu.